

10 NOV 2003

ABDULLAH-KDNK

KDNK DIJANGKA BERKEMBANG PESAT ANTARA 5.5 DAN 6 PERATUS PADA 2004

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka berkembang lebih pesat antara 5.5 peratus dan 6 peratus pada tahun 2004 berbanding 4.5 peratus pada 2003.

Beliau berkata, kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.5 peratus yang dianggarkan bagi keseluruhan tahun 2003 dapat dicapai malahan dijangka berkemungkinan mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi.

Ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2004) di Dewan Negara hari ini, Abdullah berkata, sektor pembuatan dijangka kekal menjadi penggerak utama ekonomi, meningkat 7.2 peratus, manakala sektor perkhidmatan 5.5 peratus.

Dengan penekanan diberi kepada sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan, pelaburan swasta dijangka berkembang kukuh sebanyak 9.9 peratus manakala penggunaan sebanyak 7 peratus, kata Abdullah, yang juga Menteri Kewangan.

Dalam ucapannya yang bertajuk "Meraih Kejayaan Membina Masa Depan", Perdana Menteri berkata, taraf hidup rakyat Malaysia juga dijangka semakin meningkat dengan pendapatan per kapita bertambah kepada RM14,954 pada tahun 2004 berbanding RM14,343 pada 2003.

Abdullah berkata, jelas sekali kemajuan yang dicapai oleh negara dan kesejahteraan yang dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat adalah hasil sokongan padu yang diberikan oleh semua pihak bagi menjayakan strategi pembangunan ekonomi dan sosial negara yang pragmatik.

Untuk mempromosi Malaysia sebagai pedagang global bagi produk negara, Perdana Menteri menegaskan bahawa sektor swasta digalakkan menubuhkan pusat-pusat perdagangan untuk eksport barangan negara.

Di samping itu, katanya, penambahan jumlah dana sebanyak RM100 juta lagi bagi Tabung Pembangunan Dana Mempromosi Jenama Malaysia, menjadikan dana itu berjumlah RM200 juta.

Abdullah juga berkata, langkah ketiga ialah menyemak semula kaedah penilaian perolehan kerajaan dengan memberi penekanan kepada penggunaan kandungan tempatan, teknologi dan nilai tambah.

Perdana Menteri berkata, untuk terus maju negara perlu melakukan pengubahsuaian dari ekonomi yang digerakkan oleh FDI dan eksport kepada ekonomi yang diterajui dan dilengkapi oleh pertumbuhan dalam negara dan pelaburan tempatan (DDI).

"Ini memandangkan bahawa syarikat FDI lebih tertumpu kepada pengeluaran produk bukan berjenama Malaysia serta kurang mempunyai rangkaian dengan pengeluaran tempatan, di samping mengguna teknologi yang dibangunkan di luar negara," katanya.

Walaupun begitu, kata Abdullah, negara tetap mengalu-alukan kemasukan FDI tetapi lebih berminat kepada pelaburan pada tahap lebih tinggi dalam rangkaian nilai supaya ia dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing dan daya tahan negara.

Perdana Menteri berkata, DDI perlu digalakkan untuk menjadi lebih cergas supaya negara dapat menjadi pelabur, pengeluar dan pengeksport utama yang mampu bersaing di pasaran global.

"Sektor swasta tempatan mesti berani menerokai peluang baru serta mewujudkan dan mengeluarkan produk berjenama Malaysia dengan kualiti bertaraf dunia untuk menembusi dan menguasai pasaran antarabangsa."

"Inisiatif mesti diambil untuk meningkatkan pengeluaran produk tempatan

yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, bermula dari usaha penyelidikan berorientasi komersial hingga penggunaan komponen dan perkhidmatan logistik tempatan," katanya.

Abdullah berkata, negara mesti menjadi pedagang global dengan menggandakan langkah mempromosi barangan keluaran negara di pasaran antarabangsa, terutamanya pasaran bukan tradisional dan kepada negara-negara OIC dan NAM.

Menyentuh soal lebih dagangan, Perdana Menteri menegaskan bahawa negara terus mencatat lebih dagangan selama 71 bulan berturut-turut, berjumlah RM4.4 bilion bagi bulan September.

Rizab antarabangsa negara pula pada 6 Nov 2003 terus bertambah dengan ketara kepada RM167.3 bilion (AS\$44 bilion) yang mampu membiayai tujuh bulan import tertanggung.

Abdullah berkata peningkatan itu adalah berikutan penambahan pendapatan eksport dan aliran masuk pelaburan langsung asing termasuk dana portfolio asing.

Beliau berkata, dasar kewangan yang lebih akomodatif akan diteruskan untuk mencergaskan aktiviti dalam negeri terutamanya perbelanjaan penggunaan dan pelaburan.

Di samping itu, katanya, langkah akan diambil untuk mengurus kedudukan mudah tunai yang berlebihan supaya sumber ini dapat digunakan dengan lebih berkesan bagi membiayai aktiviti ekonomi.

Kerajaan akan terus memastikan rejim kadar faedah yang rendah dikekalkan bagi membolehkan pengurangan kos perniagaan.

Namun begitu, Abdullah berkata, kerajaan juga prihatin terhadap kesan dasar itu kepada pendeposit memandangkan negara mempunyai kadar simpanan yang tinggi iaitu sebanyak 34 peratus daripada Keluaran Negara Kasar.

Oleh itu, katanya, adalah dicadangkan agar Bank Negara Malaysia menerbitkan bon simpanan untuk membantu golongan yang bergantung kepada pendapatan daripada wang simpanan, iaitu golongan pesara yang berusia 55 tahun ke atas.

"Bon ini akan mempunyai ciri-ciri seperti pulangan yang melebihi kadar faedah simpanan dan pelepasan cukai pendapatan," kata beliau.

Abdullah berkata pengumuman 10 langkah baru oleh beliau pada 11 Mac, 2003 tahun ini telah memberi sumbangan ke arah mencergas dan mengukuhkan lagi pasaran modal negara.

Katanya, kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memantau dan melaksana langkah-langkah bagi memastikan pasaran modal terus mantap dan berkembang maju.

Langkah-langkah itu termasuk penyeragaman dan pengurangan saiz lot dagangan di BSKL, pengurangan duti setem dan tempoh pemprosesan IPO, penubuhan agensi sehenti di Suruhanjaya Sekuriti serta peningkatan kemahiran melalui penubuhan Dana Pendidikan Wakil Peniaga Bumiputera.

Mengenai cadangan penyenaian Felda di BSKL, Perdana Menteri berkata kerajaan telah memutuskan supaya cadangan itu diperincikan lagi untuk memastikan kedudukan sosio ekonomi dan kebajikan peneroka kekal terjamin.

Ini akan dapat mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai langkah penyenaian, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Bajet 2004 telah dirangka bagi memastikan kesinambungan dasar dan strategi kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang lebih bertumpu kepada modestic-led growth yang diterajui oleh rakyat Malaysia sendiri.

Menurutnya, Bajet 2004 mencadangkan langkah strategik untuk menjadikan negara benar-benar sebagai negara perdagangan dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh pengusaha tempatan.

Bajet 2004 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 12 Sept 2003 oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA
MKO WNZ AHM